

# Penternak ikan sangkar Pahang diminta buat persiapan

BH 11/11/23 mlj 22

**Kuantan:** Jabatan Perikanan Pahang mengingatkan 1,262 penternak ikan sangkar di negeri ini supaya membuat persiapan awal menghadapi ketibaan Monsun Timur Laut.

Pengarahnya, Abdullah Jaafar, berkata ia bagi mengelak penternak menanggung kerugian jika sangkar mereka pecah dibawa arus deras atau dilanggar balak apabila paras air sungai meningkat akibat banjir.

Menurut rekod jabatan itu, beliau berkata, terdapat lebih 13,025 sangkar ikan di sepanjang Sungai Pahang dan beberapa sungai utama lain di Pahang, selain 341 sangkar ikan air payau di Pekan serta Rompin membabitkan 14 penternak.

"Setiap tahun apabila tiba Monsun Timur Laut, kita akan mengeluarkan peringatan kepada penternak ikan sangkar supaya mengambil tindakan sewajarnya bagi mengelak berlaku kerugian jika berlaku banjir besar.

"Antara langkah perlu diambil penternak ialah memastikan sangkar diikat kuat pada pokok menggunakan kabel besi dan tali berkualiti tinggi supaya ia tidak mudah dihayut, terutama apabila dilanggar balak dan bongkah kayu dibawa air," katanya ketika dihubungi, di sini.

Beliau berkata, penternak mempunyai ikan yang telah mencapai saiz sesuai untuk dijual pula perlu segera memasarkannya, selain menanggihkan kemasukan benih baharu kerana anak ikan boleh mati apabila banjir.

Katanya, penternak juga perlu sentiasa memantau sangkar apabila paras air sungai meningkat, di samping mengawasi risiko balak dan timbunan kayu hanyut melanggar sangkar.

Selain itu, beliau berkata, mereka perlu sentiasa peka dengan ramalan cuaca dan perubahan paras air sungai supaya tindakan awal dapat dilakukan sekiranya banjir.

"Saya juga mengingatkan penternak berkenaan agar sentiasa menitikberatkan keselamatan seperti memakai jaket keselamatan ketika berada di kawasan sangkar dan menaiki bot.

"Arus air sungai yang deras setiap kali banjir mengundang bahaya kepada penternak dan penduduk yang tinggal berhampiran sungai," katanya.